

Kor Suksis beri kesan positif pada diri Hafiz, dinobat pelatih terbaik

Oleh Mohd Amin Jalil

am@hmetro.com.my

Nilai

“Saya menyertai kadet polis ketika di bangku sekolah sebelum memilih Kor Suksis sebaik memasuki universiti kerana mahu meneruskan minat dalam bidang kepolisan,” kata Muhammad Hafiz Amir, 22, yang dinobatkan sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, baru-baru ini.

Pelajar tahun tiga Sarjana Muda Sains Komputer jaminan dan Keselamatan Maklumat, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat itu tidak menyangka mendapat pengiktirafan berkenaan.

“Perasaan saya pastinya sangat gembira dan terkejut kerana tidak menyengka muncul pelatih terbaik. Apapun saya sangat bersyukur atas kejayaan ini.

“Banyak perubahan positif berlaku pada diri saya sejak menyertai Kor Suksis antaranya lebih berkeyakinan apabila bercakap di khalayak ramai, penampilan lebih kemas dan berani mengambil tanggungjawab.”



Mahu jadi polis

Banyak perubahan positif berlaku pada diri saya sejak menyertai Kor Suksis antaranya lebih berkeyakinan apabila bercakap di khalayak ramai, penampilan lebih kemas dan berani mengambil tanggungjawab”

Muhammad Hafiz Amir

wab,” katanya.

Seramai 56 pelajar USIM berjaya ditauliahkan sebagai Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis pada tahun ini dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Kali Ke-11 di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, baru-baru ini.

Mereka sedang menuntut di peringkat sarjana

muda menerima watikah masing-masing daripada Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Muhammad Hafiz berkata, dia berhasrat memanfaatkan segala ilmu dan kemahiran diperoleh sepanjang menyertai Kor Suksis untuk kebaikan diri dan masyarakat.

“Insy-allah saya akan memilih kerjaya bersama Polis Diraja Malaysia apa-

bila tamat pengajian nanti,” katanya.

Dua lagi pelajar USIM, Abdul Rahman Razali, 22, dan Shafatin Mohd Zahar, 22, masing-masing dipilih sebagai Pelatih Terbaik Latar Luar dan Pelatih Terbaik Latihan Akademik.

Timbalan Komandan Kor Suksis USIM Superintendant Hisham Sabri berkata, beliau bangga atas komitmen dan disiplin yang tinggi ditunjukkan pelajar terbabit.

Menurutnya, pelajar terbabit mengikuti latihan selama enam semester pengajian dan ini adalah kumpulan ketujuh Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis yang sudah dilahirkan sejak Kor Suksis USIM ditubuhkan pada 2006.

MUHAMMAD Hafiz (tengah) bersama Abdul Rahman dan Shafatin.